


RANCANGAN MALAYSIA KE-10 (2011 – 2015)

Rancangan Malaysia Kesepuluh mengandungi aspirasi Program Transformasi Kerajaan dan Model Baru Ekonomi yang berteraskan pendapatan tinggi, keterangkuman dan kemampuan. Rancangan ini merencanakan pembangunan negara untuk tempoh lima tahun dengan matlamat untuk menyampaikan hasil yang dihasratkan untuk semua rakyat. Rancangan ini menyediakan pentas bagi transformasi struktur utama yang diperlukan oleh ekonomi berpendapatan tinggi serta hala tuju dasar, strategi dan program baharu yang membolehkan negara tampil sebagai negara maju dan berpendapatan tinggi.

Koridor Pembangunan Sabah

Koridor Pembangunan Sabah (SDC) meliputi seluruh negeri Sabah dengan tumpuan diberi kepada Kawasan Pembangunan Strategik (SDA) yang telah dikenal pasti bagi menjana peluang pekerjaan dan pendapatan penduduk setempat serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Kemajuan yang ketara telah dicapai dalam menyediakan infrastruktur fizikal asas di kawasan luar bandar



Dengan anggaran 36% penduduk Malaysia tinggal di kawasan luar bandar pada tahun 2009, usaha diambil untuk memastikan rakyat terutamanya masyarakat luar bandar disediakan dengan bekalan air dirawat dan kemudahan sanitasi yang mencukupi, akses kepada rangkaian jalan raya, bekalan elektrik dan rangkaian perhubungan melalui teknologi komunikasi iaitu telefon dan internet. Selain meningkatkan kualiti hidup penduduk, kemudahan infrastruktur ini juga adalah faktor penting bagi membantu penjana aktiviti ekonomi baru di luar bandar.

Sehingga kini, Malaysia telah mencapai kejayaan yang memuaskan dalam penyediaan infrastruktur asas. Pada tahun 2009, liputan elektrik luar bandar telah mencapai 92.3% dan liputan bekalan air luar bandar adalah 81.0% di seluruh Malaysia. Di samping itu, rangkaian jalan luar bandar di seluruh negara telah meningkat daripada 18,927 kilometer pada tahun 2000 kepada 45,905 kilometer pada tahun 2009.

RANCANGAN MALAYSIA KE-10 (2011 – 2015)

Program Pembangunan dan Implikasi Sosio Ekonomi Setempat

Projek-projek yang dilaksanakan dalam tempoh Rancangan ini banyak tertumpu kepada kawasan berhampiran dengan pesisiran laut serta dibangunkan di atas tapak yang baru. Di antara ciri-ciri persamaan lain yang banyak terdapat di antara projek-projek tersebut adalah tiga (3) daripadanya melibatkan Pembangunan Bersama Tapak atau '*Joint Venture Development*'.

Pada masa yang sama, Syarikat meneruskan pembangunan fasa ke-3 projek di Apas Balung, Tawau. Pembangunan juga disasarkan semula ke kedai-kedai lama di pekan Tenghilan Tuaran, Kg Pelantong di daerah Beluran serta menjangkau ke pulau Karakit, Kudat. Satu lagi kawasan pulau yang menjadi tumpuan untuk pembangunan lot kedai adalah di Pulau Sebatik, Tawau. Secara keseluruhannya, pembangunan yang dilaksanakan dalam tempoh Rancangan ini bersifat menyeluruh.



***Jeti di Pekan Karakit,
Pulau Banggi, Kudat***

***Jalan Berturap di
Pulau Sebatik, Tawau***



**RANCANGAN MALAYSIA KE-10
(2011 – 2015)**

No.	Tanda Warna	Projek
1	●	Kg Pimping, Membakut
2	●	Kg Matupang, Ranau
3	●	Sindumin, Sipitang
4	●	Long Pa Sia, Sipitang
5	●	Tenghilan, Tuaran
6	●	Sg Manila, Sandakan
7	●	Kg Pelantong, Beluran
8	●	Apas Balung, Tawau (fasa III)
9	●	Pulau Sebatik, Tawau
10	●	Pulau Banggi, Karakit, Kudat

